

Hujan lebat di Kedah, Perlis hingga Mac

um. 23/10/2006.

KUALA LUMPUR 22 Okt. - Perlis dan Kedah diramal menerima hujan lebat dan ribut petir sehingga Mac tahun depan.

Jurucakap Jabatan Perkhidmatan Meteorologi berkata, fenomena itu disebabkan peralihan monsun dari barat daya ke timur laut yang kini melanda negeri-negeri di pantai barat dan utara Seme-

nanjung Malaysia.

Menurutnya, ekor peralihan tersebut beberapa kawasan di Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Johor turut mengalami ribut petir pada sebelah petang.

"Bagaimanapun, ribut petir yang melanda negeri-negeri itu tidak akan berakhir pada pertengahan November ini.

"Ini kerana monsun timur laut pula akan mengambil tempat monsun peralihan tersebut dan ia akan berlarutan sehingga bulan Februari dan Mac tahun depan.

"Keadaan cuaca ini boleh mengakibatkan banjir," kata jurucakap itu kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini ketika diminta mengulas kejadian banjir kilat

yang berlaku di beberapa tempat di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, semalam.

Kedah dan Perlis pernah dilanda banjir besar pada akhir tahun lalu selepas menerima hujan lebat selama dua hari berturut-turut. Ia menyebabkan 31,463 mangsa terpaksa dipindahkan ke 127 pusat pemindahan banjir.